



TERBITAN RASMI
MAJLIS BANDARAYA
PASIR GUDANG

EDISI PERTAMA
2023

| 01 |

JANUARI - MAC 2023

جولون الفجر 1444هـ - ربى 1444هـ

100 HADIAH ISTIMEWA

PEMBAYAR CUKAI TERAWAL



Edisi Digital



EDISI **01** 2023

KANDUNGAN MENARIK



M/S **8** Majlis Apresiasi Warga Kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang Tahun 2022.



M/S **5** Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Dan Majlis Amanat Datuk Bandar Tahun 2023.



M/S **28** Program Gotong Royong Perdana Tanah Perkuburan Islam Pasir Gudang.



M/S **25** Program Sesi Town Hall Datuk Bandar Pasir Gudang Bersama Penyewa Kebayan Dan Semai Niaga Milik Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

© HAK CIPTA TERPELIHARA

Sidang Redaksi BERITA DYNAMIC PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklum balas. Sila kemukakan kepada:

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
 Aras 19, Jalan Bandar,
 81700 Pasir Gudang.
 Tel : 07-254 7777
 Faks : 07- 251 5260
 Web : www.mbgp.gov.my

SIDANG REDAKSI BERITA DYNAMIC PASIR GUDANG

PENAUNG

Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman
 Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pasir Gudang

PENASIHAT

Encik Mohd Hafiz bin Aliman
 Setiausaha

EDITOR

LAr. Zanariah binti Kadir
 Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

PENGARANG

Puan Nadzasha binti Mohd Puad

PENERBIT

Bahagian Korporat & Perhubungan Awam
 Majlis Bandaraya Pasir Gudang

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhammad Sayut
 Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

KONSEP & REKA GRAFIK disediakan oleh PGI Media



Perutusan DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Alhamdulillah, "Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Tuhan selain Allah, Allah Maha Besar, tiada daya dan upaya melainkan Allah". Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W serta ahli keluarganya, sahabat-sahabat baginda, para tabi'in dan seterusnya pewaris-pewaris perjuangannya.

Masih belum terlewat untuk saya beserta seluruh barisan pengurusan MBPG mengambil kesempatan merakamkan ucapan Selamat Tahun Baru Masihi 2023 buat seluruh warga Bandaraya Pasir Gudang yang saya kasih sekalian.

Terlebih dahulu marilah sama-sama kita merafakkan segala puji dan syukur kehadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnianya yang telah menganugerahkan kita dengan pelbagai nikmat sehingga berjaya mengharungi cabaran hebat sepanjang tahun 2022 dengan keazaman dan kecekalan. Lebih melegakan lagi apabila negara melepasi fasa Pandemik Covid-19 dengan beralih ke fasa endemik mulai 1 April 2022 yang sewajarnya memberi banyak pengajaran kepada semua pihak berkaitan dan begitu juga rakyat.

Tiada siapa pernah menyangka COVID-19 telah berjaya mengubah hampir keseluruhan cara kita berfikir, bekerja dan menguruskan negara. Tiada siapa pun di antara kita yang berpengalaman berdepan dengan situasi ekonomi, sosial dan politik yang begitu dinamik seperti hari ini. Sebenarnya, ada banyak hikmah di sebalik musibah yang melanda ini dalam kita mempraktikkan norma baharu seperti kemahiran penggunaan teknologi yang dapat meneruskan kerja harian walaupun di mana jua kita berada. Diharap semua ini dapat menjadi pemangkin untuk kita terus berusaha dengan lebih gigih pada tahun ini. Disebalik cabaran-cabaran tersebut, suka saya untuk memulakan ucapan ini dengan berita yang mengembirakan dengan merakamkan ucapan tahniah di atas kejayaan-kejayaan MBPG sepanjang tahun 2022.

Sebagai barisan hadapan dalam pentadbiran kerajaan di pihak berkuasa tempatan, MBPG sentiasa meletakkan hala tuju yang seiring dengan dasar-dasar dan strategi pembangunan kerajaan negeri dan persekutuan dalam mendepani masyarakat dan isu pembangunan perbandaran, pelbagai cabaran dan rintangan serta kecemasan yang kadang-kadang mengganggu emosi malah perjalanan hidup seharian.

MBPG telah meletakkan tadbir urus berintegriti dan kepakaran yang tinggi di teras yang pertama di dalam pelan strategik yang dibentuk, di mana 7 inisiatif strategik telah digariskan. MBPG turut mensasarkan pengiktirafan persijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah iaitu MS ISO 37001: 2016 iaitu *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) pada tahun ini.



Selain itu, pelbagai kemudahan kepada masyarakat telah dilaksanakan seperti pembangunan sistem-sistem pengurusan secara digital dan atas talian antaranya Sistem E-Lesen, E-Maintainence, E-Scape, E-Pusara dan lain-lain lagi untuk mengurangkan red tape dalam operasi kerja harian.

Faktor keselamatan, kebersihan dan alam sekitar adalah fokus utama pembangunan negeri Johor khususnya "The Greater JB" di bawah teras ke lima, di mana perkara yang diambil perhatian dan sasaran pembangunan oleh MBPG adalah pemantapan sistem CCTV berteknologi AI di kawasan hot spot jenayah dan tarikan pelancong, pengindahan dan kecerian bandar, program pemuliharaan sungai, penyelenggaraan saliran, pemuliharaan kawasan dan hutan dan pelan tindakan masyarakat rendah karbon iaitu 70% pelepasan intensiti karbon menjelang 2030.

Bagi menjamin pengurusan alam sekitar, kesihatan persekitaran dan pembangunan yang mampan, kita juga telah mengujudkan hubungan yang baik bersama pihak pemegang taruh dan juga pemain-pemain industri dan pelabuhan-pelabuhan antarabangsa di Pasir Gudang melalui perjanjian persefahaman dalam menangani pelbagai isu pembangunan dan persekitaran. Sokongan padu daripada sektor terpenting di Pasir Gudang adalah perlu bagi merealisasikan hasrat MBPG ke arah Bandaraya sejahtera, pintar dan rendah karbon.

Kecekapan pengurusan kewangan dan perbendaharaan merupakan indikator kecemerlangan sebuah organisasi. MBPG diiktiraf sebagai sebuah bandaraya adalah di atas keupayaannya dari aspek kekuahan sumber kewangan dan nilai pegangan yang tinggi. Bagi menjamin ianya akan terus bertahan, tindakan penguatkuasaan ke atas ketidakakururan pematuhan undang-undang telah dilakukan secara berperingkat.

Saya berharap semoga semua perancangan bagi tahun 2023 dapat dilaksanakan dengan jayanya, agar organisasi lebih berdaya saing dan memperoleh pencapaian yang lebih cemerlang serta mendokong komuniti bandaraya Pasir Gudang untuk terus hidup dalam limpahan keharmonian dan kesejahteraan.

Sekian, terima kasih.

DATO' ASMAN SHAH BIN ABD RAHMAN
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pasir Gudang



100 HADIAH ISTIMEWA

Warga Pasir Gudang berpeluang mendapatkan barang percuma seperti jute beg, bekas makanan berjenama Tupperware, carrier beg dan kad TNG NFC eksklusif bagi pembayar cukai terawal. Program yang dilaksanakan pada 1 Januari 2023 menyaksikan orang ramai yang merebut peluang tersebut dengan berbaris seawal jam 7.30 pagi di hadapan Menara Aqabah MBPG bertujuan untuk menjelaskan bayaran cukai harta masing masing sekaligus berpeluang untuk memiliki cenderamata yang dijanjikan.

Cenderamata telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang kepada pembayar cukai yang bertuah bagi menghargai kebertanggungjawaban mereka melunaskan bayaran cukai harta semasa. Walau bagaimanapun, peluang masih lagi dibuka kepada orang ramai yang terlepas memenangi cenderamata istimewa tersebut memandangkan MBPG turut menyediakan 13,000 lagi unit cenderamata bagi menggalakkan lebih ramai melaksanakan tanggungjawab bagi tahun 2023.

Setinggi tinggi tahniah dan penghargaan kepada mereka yang telah berjaya menjadi antara 100 pembayar cukai terawal pada tahun ini. Jutaan terima kasih kepada kesemua pemegang taruh dan penduduk Pasir Gudang yang telah memainkan peranan masing masing dan menunaikan tanggungjawab menjelaskan cukai harta.

PEMBAYAR CUKAI TERAWAL DI KAWASAN PENTADBIRAN MBPG



Majlis Menandatangani

IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) DAN MAJLIS AMANAT DATUK BANDAR TAHUN 2023

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) membuka gerbang tahun baru, 2023 melalui penganjuran Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan Majlis Amanat Datuk Bandar pada 1 Januari 2023 bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang.

Majlis dimulakan dengan sesi perkenalan warga kerja baharu seramai 104 orang bagi penggal 2021/2022 oleh Encik Mohd Hafiz bin Aliman selaku Setiausaha MBPG. Manakala bagi upacara mengangkat sumpah warga kerja baharu pula diketuai oleh Encik Haziq Irfan bin Abdul Sa'ad, Pegawai di Jabatan Kejuruteraan & Landskap, MBPG.

Encik Kassim bin Mohamed Yusof, selaku Ketua Jabatan Perancang Bandar dan OSC, telah mengetuai acara Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dengan diikuti oleh semua warga kerja MBPG. Upacara menandatangani IBR dilakukan dihadapan Datuk Bandar Pasir Gudang dengan disaksikan oleh Setiausaha dan Timbalan Setiausaha MBPG.

Memetik amanat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang, beliau menekankan tentang nilai dan budaya kerja bingkas, tangkas dan berkualiti yang perlu sentiasa diperlakukan oleh seluruh warga kerja bagi mengubah perspektif negatif masyarakat dan pemegang taruh terhadap anggota MBPG sebagai kakinangan perkhidmatan awam.

Dalam memperkuatkan urustadbir yang cekap, pelbagai kemudahan telah dilaksanakan seperti pembangunan sistem-sistem pengurusan secara digital dan atas talian antaranya sistem E-Lesen, E-Maintanance, E-Escape, E-Pusara dan lain-lain lagi untuk mengurangkan Red Tape dalam operasi kerja harian.



Datuk Bandar turut berbesar hati mengumumkan dan menyempurnakan Majlis Penyampaian Surat Kenaikan Pangkat Jawatan Fleksi Kumpulan Pengurusan & Profesional kepada 2 orang penerima. Turut melengkapkan majlis adalah penyampaian bagi Anugerah Jabatan Terbaik yang disandang oleh Jabatan Kewangan, Anugerah Pekerja Terbaik kepada 3 orang penerima dan Anugerah Pencapaian EKSA bagi sesi 1 dan sesi 2.

Program Santuni Taman Awam Tahun 2022 juga telah berjalan dengan lancar yang mengetengahkan aktiviti gotong-royong di sekitar Kawasan pentadbiran Pasir Gudang. Program kutipan sampah terbanyak turut diumumkan lantas meletakkan Jabatan Khidmat Pengurusan di tempat pertama dengan memenangi wang tunai berjumlah RM750.00, manakala Jabatan Bangunan di tempat kedua dengan wang tunai berjumlah RM500.00 dan diikuti Jabatan Kesihatan Awam di tempat ketiga beserta wang tunai berjumlah RM350.00.

Datuk Bandar juga turut menyempurnakan majlis dengan penyampaian sijil Penghargaan kepada 20 orang pendaki warga kerja MBPG yang telah berjaya menawar puncak Gunung Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah. Sekalung ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang dan peserta yang terlibat.





MAJLIS ISTIADAT PEMAKAIAN PENYERAHAN RIBEN PERKHIDMATAN

SERTA PEMAKAIAN PANGKAT KEPADA ANGGOTA PENGUATKUASA
JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN

Majlis Istiadat Penyerahan Riben Perkhidmatan serta Pemakaian Pangkat kepada Anggota Penguatkuasa, Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan telah dijalankan pada 29 Januari 2023 bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah, MBPG. YB. Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang telah berkesempatan menyempurnakan majlis. Turut menjayakan majis adalah YBhg. Dato' Hj. Mohd Amin bin Ahmad, Ketua Whip, Ahli-ahli Majlis MBPG, En. Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG, dan En. Abdul Malek bin Mohamed, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MBPG.

Majlis tersebut dimulakan dengan acara pemeriksaan barisan oleh YB. Datuk Bandar dengan diiringi En. Nurazam bin Razali selaku Ketua Jabatan Undang-

undang dan Penguatkuasaan serta Pegawai Penguatkuasa MBPG di Dataran Al-Hamra dan diikuti dengan Majlis Istiadat Pemakaian Penyerahan Riben Perkhidmatan serta Pemakaian Pangkat di Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah.

Pemakaian Penyerahan Riben telah melibatkan seramai 10 orang pegawai dan 46 anggota penguatkuasa manakala seramai 15 orang anggota juga telah menerima kenaikan pangkat Pembantu Penguatkuasa Gred KP22 (KUP). Ucapan tahniah khususnya kepada pegawai dan anggota penguatkuasa. Semoga dengan penghargaan ini akan terus menjadi pemangkin menyuntik semangat kepada semua anggota penguatkuasa MBPG.







Majlis Apresiasi Warga Kerja

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG TAHUN 2022



Majlis Apresiasi Warga Kerja MBPG Tahun 2022 telah diadakan pada 12 Januari 2022 bertempat di Stadium Bandaraya Pasir Gudang, Johor. Majlis telah diserikan dengan kehadiran YB. Dato' Asman Shah bin Abdul Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang bersama isteri YDh. Datin Halimah binti Mohamed Rasip, Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG bersama isterinya Puan Sharifah Amariah binti Ahmad Jailani dan Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab, Timbalan Setiausaha MBPG. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Datuk Bandar MBPG.

Majlis yang bertemakan "Klasik Tradisional" ini telah dihadiri seramai 650 orang warga kerja bertaraf tetap, kontrak dan MySTEP. Seramai 9 orang warga kerja telah diraikan dengan penganugerahan Anugerah Setia Perkhidmatan di atas perkhidmatan selama 30 tahun berkhidmat.

Manakala seorang warga kerja telah menamatkan perkhidmatannya iaitu Puan Hajah Norizan binti Mohammad, Ketua Bahagian

Pembangunan Masyarakat. Beliau telah memulakan kerjaya di MBPG pada 16 November 1992 dan telah bersara wajib pada 13 Januari 2023. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang perkhidmatan beliau di MBPG.

Manakala, pihak pengurusan MBPG juga telah mengiktiraf seramai 54 orang warga kerja telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 67 orang pula telah menerima Sijil Penghargaan. Majlis turut dimeriahkan lagi dengan persembahan tarian tradisional daripada Yayasan Warisan Johor dan acara sketsa dari warga kerja MBPG. Majlis telah diwarnai dengan acara pakaian terbaik serta acara cabutan bertuah bagi mengakhiri majlis. Sekalung ucapan syabas dan tahniah kepada penerima anugerah bagi tahun 2022. Semoga melalui penganugerahan ini akan menjadi pemangkin motivasi dan inspirasi kepada warga kerja yang lain untuk bersama-sama mencipta kejayaan kelak.

Sekalung Tahniah

KEPADА PENERIMA ANUGERAH DI MAJLIS APRESIASI WARGA KERJA MBPG TAHUN 2022



LAWATAN PERKONGSIAN ILMU

BAGI PELAKSANAAN LOCAL AGENDA 21 DAN BANDAR SELAMAT KE DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Pelaksanaan Agenda Tempatan 21 (LA21) merupakan sebuah inisiatif yang diwujudkan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menggalakkan aktiviti yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dengan kerjasama pihak swasta atau badan bukan kerajaan bersama penglibatan komuniti masyarakat setempat.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah model relatif yang diambil bertepatan dan bersesuaian dengan hasrat MBPG untuk mempelajari pelaksanaan Pusat Arahan dan Kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (KLCCC) serta kepelbagaian program yang mendapat penyertaan daripada pemegang taruh sebagai rakan kerjasama strategik mahupun peserta.

Seramai 23 orang peserta telah bersama dalam lawatan ini yang diketuai oleh ketua delegasi, Setiausaha MBPG Encik Mohd Hafiz bin Aliman. Turut bersama dalam sesi lawatan ini ialah Encik Madyasir bin Ahmad Basir, Ahli Majlis MBPG. Delegasi dibawa meninjau pemandangan bandar Kuala Lumpur dari aras 29 Menara DBKL. Sesi taklimat kemudiannya diteruskan dengan pembentangan mengenai pelaksanaan Smart City atau Bandar Pintar yang dilaksanakan oleh DBKL. Sebanyak 28 inisiatif telah di rangka di mana 5 daripadanya perlu dilaksanakan dalam tempoh jangka masa pendek (tahun 2021-2022), manakala, 17 inisiatif perlu dilaksanakan dalam tempoh jangka masa sederhana (tahun 2021-2023) dan 6 inisiatif dalam tempoh jangka masa panjang (tahun 2023-2025).

Matlamat lawatan ini adalah bagi mewujudkan sebuah bandar yang sejahtera di Pasir Gudang di mana kesemua pemegang taruh bersama penglibatan masyarakat memainkan peranan masing-masing dalam merealisasikan visi MBPG menjadikan Pasir Gudang sebagai Bandar Pintar, Sejahtera dan Rendah Karbon menjelang 2025.



BENGKEL PEMANTAPAN PIAGAM PELANGGAN DAN LAMAN SESAWANG MBPG



MBPG melalui Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Piagam Pelanggan dan Laman Sesawang pada 13 dan 14 Februari 2023 bertempat di Hotel Capri by Fraser, Johor Bahru.

Bengkel selama 2 hari ini turut dihadiri oleh Setiausaha MBPG Encik Mohd Hafiz bin Aliman bersama barisan ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG. Bengkel yang diadakan bertujuan untuk menyemak dan menambah baik Piagam Pelanggan MBPG seiring dengan perubahan struktur organisasi serta fungsi di Jabatan, Bahagian dan Unit.

Di samping itu, bengkel ini juga turut dijadikan sebagai ruang diskusi di antara pihak vendor dan Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit bagi melakukan penambahan fungsi masing-masing pada laman sesawang MBPG agar selari dengan perkembangan semasa serta memudahkan pengguna mendapatkan maklumat khususnya para pemegang taruh di sekitar kawasan pentadbiran Pasir Gudang.

LAWATAN PENANDA ARASAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN KLANG



MBPG telah menerima Lawatan Penanda Arasan daripada Majlis Perbandaran Klang (MPK) pada 11 Januari 2023. Kehadiran delegasi telah disambut mesra oleh Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar bersama ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit beserta barisan pegawai-pegawai bahagian pengurusan MBPG. Lawatan daripada MPK adalah seramai 46 orang yang telah diketuai oleh TPr. Puan Hajah Noraini binti Roslan, Yang Dipertua MPK bersama barisan pegawai-pegawai MPK.

Lawatan dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan sesi pembentangan berkaitan maklumat MBPG yang telah disampaikan oleh Tuan Setiausaha MBPG. Lawatan ini adalah sebagai persediaan MPK yang bakal dinaiktaraf kepada bandar raya. Semoga perkongsian ilmu dan pengalaman yang diperolehi dapat memberikan manfaat kepada kedua belah pihak.



PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN JALAN RAYA

PENUNGGANG PENGHANTAR MAKANAN :

Your Life Matters



Selari dengan trend sistem pasaran bebas, tanpa kita sedar, kita dikelilingi dengan pekerja ekonomi gig khususnya penunggang motorsikal penghantar makanan. Selain dari jalan raya, antara kawasan kebiasaan yang menjadi tempat tumpuan mereka menunggu pesanan adalah di hadapan restoran, warung, pasaraya dan gerai gerai jualan. Jikalau sebelum ini, Kawasan-kawasan tersebut hanya dipenuhi dengan pelanggan yang beratur atau sedang membuat pesanan, kini dunia tanpa sempadan mengubah senarionya apabila lambakan plastik-plastik berisi pesanan makanan atau barang keperluan harian menjadi hiasan seharian di kaunter pesanan.

Fenomena begini agak asing bagi kita beberapa tahun yang lalu. Namun perkara ini sudah dinormalisasikan dalam kalangan masyarakat pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan ada juga di antara kita yang berhasrat untuk menjadi sebahagian daripada komuniti ini demi mencari pendapatan tambahan bagi kelangsungan hidup. Mereka ialah penunggang penghantar pesanan makanan atau lebih sinonim dikenali sebagai 'Food Rider'.

Namun, disebalik pekerjaan yang selari dengan trend terkini yang mungkin dianggap punca rezeki bagi mereka yang kehilangan pekerjaan mahupun bagi mereka yang mencari pendapatan tambahan, timbul isu-isu lain yang mendatangkan kerisauan iaitu keselamatan dan kesihatan komuniti pekerjaan ini ketika berada di atas jalan raya, di premis-premis komersial dan di rumah-rumah pelanggan ketika menjalankan tugas

penghantaran mereka serta menganggarkan motosikal dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Dalam berkongsi kerisauan tersebut, Bahagian pembangunan Masyarakat, Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan PERKESO mengambil inisiatif menganjurkan Program Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Penunggang Penghantar Makanan : Your Life Matters yang telah diadakan pada 8 Januari 2023, bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Menara Aqabah, MBPG. Mengetengahkan matlamat meningkatkan kesedaran keselamatan di atas jalan raya dalam kalangan penunggang penghantar makanan dan masyarakat setempat, program ini turut memberikan pendidikan berfokuskan keperluan perlindungan keselamatan diri sebagai satu langkah perlindungan diri dari kemalangan dan bahaya. Serta, meningkatkan kefahaman dari sudut peraturan dan undang-undang di atas jalan raya melalui penerangan dari pihak berwajib. Malah, program ini turut menjadi



platform bertukar pandangan dan pendapat mengenai pengalaman dan kemahiran masing-masing dalam bidang penghantaran makanan bermotor.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG dan turut dihadiri seramai kira-kira 43 orang yang terdiri daripada pelbagai latar belakang penunggang motor perkhidmatan penghantaran makanan antaranya

Shopee Food, Food Panda, Grabfood, McDonald Pizza Hut dan persendirian. Figura terkenal Tn. Hj. Ahmad Nabil bin Ahmad telah diundang khas untuk berkongsi inspirasi dan memberikan motivasi kepada penghantar makanan yang hadir. Datuk Bandar dan Nabil juga turut membuat perlepasan kepada semua penghantar makanan yang hadir dan merakamkan ucapan terima kasih kerana telah bersama-sama menjayakan program yang dianjurkan.



PROGRAM SAMBUTAN TAHUN BARU CINA BERSAMA KOMUNITI

Program sambutan Tahun Baru Cina bersama Komuniti anjuran bersama Majlis Bandaraya Pasir Gudang dengan Ahli Majlis Zon Masai dan Ahli-Ahli Majlis berbangsa Tionghua telah diadakan dengan meriah pada 10 Februari 2023. Program tersebut mendapat sambutan melalui kehadiran seramai 200 orang tetamu dari pelbagai latar belakang masyarakat setempat dan bertempat di Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Masai.

Program dimulakan dengan menyambut ketibaan Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar dan diiringi oleh Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab, Timbalan Setiausaha bersama Encik Madyasir bin Ahmad Basir, Ahli Majlis Zon Masai dengan acara sambutan Tarian Singa dari Persatuan Tokong Cina Leng Suah Chee Seri Alam.

Program telah diselang selikan dengan persembahan tarian kebudayaan masyarakat Cina dan Melayu yang terdiri dari kanak-kanak sekolah tadika dan sekolah rendah dari sekitar Pasir Gudang. Tetamu juga

dipersembahkan dengan persembahan seni tarian pertahanan diri wushu dari Akademi Legend Art Wushu dan Taichi Academy, persembahan Diabola dan juga persembahan lukisan simbolik tahun arnab dari Cik Mint Wong seorang pelukis seni mural. Kemuncak program adalah acara menggaul ‘yeesang’ iaitu hidangan tradisi masyarakat kaum Cina sebagai tanda bertuah, bersatu padu, perpaduan dan berjaya. Program turut diserikan dengan pemberian angpow kepada kanak-kanak yang hadir.

Sebagai sebuah Pihak Berkusa Tempatan yang mencerminkan imej prihatin terhadap kepentingan dan keharmonian komuniti, penganjuran program perayaan pelbagai kaum diadakan bertujuan untuk memperkenalkan kepelbagaian dan keunikan budaya setiap masyarakat majmuk di Malaysia. Malah, untuk menggalakkan pengamalan integrasi kaum serta mengeratkan semangat perpaduan dalam kalangan penduduk di Pasir Gudang.







PROGRAM KHATAN PERDANA PASIR GUDANG

JOM KHATAN 2023



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru telah menganjurkan program Berkhatan Perdana Pasir Gudang "Jom Khatan 2023" pada 19 Februari 2023 bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang. Program tersebut telah disertai oleh seramai 100 orang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun ke bawah yang bermastautin di kawasan Pasir Gudang.

Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang diiringi oleh Dr. Azzahidi Fahmi bin Abdul Aziz, Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab, Timbalan Setiausaha MBPG dan Encik Abd Malek bin Mohamed, Ketua Jabatan Khidmat pengurusan telah berkesempatan hadir menyempurnakan program.

Program dimulakan dengan bacaan doa selamat oleh Tuan Haji Azra'i bin Mahmood, Pengurus Biro Agama Kelab Sukan dan Kebajikan MBPG dan diteruskan dengan taklimat oleh Dr Azzahidi Fahmi bin Abdul Aziz, Pegawai Kesihatan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru. Sebelum sesi berkhatan, upacara bersiram dengan air oleh pasukan Bomba. Program turut dimeriahkan lagi kehadiran maskot Ejen Ali bagi memberikan semangat dan keceriaan kepada peserta berkhatan. Program diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti tayangan filem animasi, persembahan maskot, booth ais krim, bertih jagung dan cotton candy percuma, pemberian goodies bag, trak jualan makanan dan photobooth untuk peserta bergambar kenangan.

Program berkhatan dijalankan di bawah kendalian penuh oleh seramai 20 orang pasukan petugas kesihatan dari Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru. MBPG merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan atas kerjasama yang diberikan khususnya kepada pasukan kesihatan dari Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, Balai Bomba Pasir Gudang, penaja-penaja, ibu bapa peserta-peserta khatan di atas kerjasama dan kepercayaan yang telah diberikan.

Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang membawa imej prihatin terhadap kebajikan dan kepentingan komuniti, matlamat penganjuran program ini pastinya untuk mengutamakan hak kesihatan kanak-kanak dengan memberikan peluang kepada masyarakat Pasir Gudang untuk mendapatkan perkhidmatan berkhatan pada harga yang berpatutan.





Majlis Penghargaan

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG SESI 2022

Akronim EKSA yang dikenali sebagai Ekosistem Kondusif Sektor Awam merupakan inisiatif penambahbaikan kepada amalan 5S di peringkat sektor awam yang diperkenalkan oleh pihak MAMPU sejak tahun 2014. Semasa masih bertaraf Perbandaran pada tahun 2018, Pasir Gudang berjaya memperoleh 19 Persijilan Cemerlang EKSA meliputi bangunan Menara Aqabah, Dewan-dewan, Stadium dan Perpustakaan Awam yang mana telah menjadikannya sebagai penanda aras kepada jabatan-jabatan kerajaan yang lain terutamanya PBT-PBT di negeri Johor.

Majlis Penghargaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MBPG telah diadakan pada 28 Februari 2023 dan bertempat di Auditorium Aras 3, Menara Aqabah, MBPG. Majlis telah dihadiri oleh Yang Berbahagia Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar, diiringi oleh Encik Abd Malek bin Mohamed, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan dan Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit serta ketua-ketua zon EKSA MBPG.

Sebanyak 5 kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Jualan 3R Tertinggi, Kategori Tandas Terbaik, Kategori Sudut EKSA Terbaik, Kategori Zon 5 Terbaik serta Kategori bagi Zon yang bermarkah 90% dan ke atas. Sebanyak 25 anugerah EKSA bagi sesi 1 dan sesi 2 telah disediakan. Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG kepada para pemenang dan ketua zon EKSA MBPG. Sekalung ucapan tahniah dan penghargaan buat pemenang. Semoga sasaran MBPG memperoleh persijilan keseluruhan EKSA dari pihak MAMPU akan tercapai dengan mendapat kerjasama serta penglibatan dari seluruh warga kerja.





Ceramah TUMBUK RUSUK : BREAK THE SILENT

'Tumbuk Rusuk' ialah bahasa kiasan yang membawa maksud perbuatan rasuah, sogok dan makan suap iaitu antara jenayah dan salah laku yang boleh menyebabkan kehancuran prinsip moral individu. Impak negatif amalan rasuah boleh mendatangkan pelbagai masalah dari sudut sosial seperti keruntuhannya akhlak, kegiatan jenayah dan ketidakadilan dalam kelas masyarakat kesan daripada ketidakpatuhan undang undang.

Sehubungan dengan itu, atas dasar akauntabiliti, ceramah "Tumbuk Rusuk: Break The Silent" telah diadakan pada 30 Januari 2023 bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah. Ceramah ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Firdaus bin Ramli, Pengurus Syarikat CJ Global Venture iaitu syarikat yang kerap mengendalikan program-program yang memfokuskan elemen pencegahan rasuah dan mencaknakan integriti di dalam institusi awam dan swasta.



Majlis Bandaraya Pasir Gudang memandang serius akan isu rasuah yang kian membusut semakin hari semakin meningkat, semakin kompleks dan boleh dikesan dalam pelbagai agensi atau organisasi. Maka, antara usaha yang diketengahkan untuk membanteras jenayah ini sebagai langkah awal adalah dengan memberikan pemahaman dan pendedahan yang jelas kepada warga kerja mengenai bahana rasuah di dalam tugasannya.

Antara dua aspek utama yang perlu diberi perhatian bagi menangani rasuah dalam kalangan penjawat awam adalah langkah punitif dan langkah pencegahan. Aspek pertama adalah langkah punitif atau hukuman tegas dilaksanakan tanpa gentar serta tanpa pilih kasih. Aspek kedua langkah pencegahan untuk mengukuhkan integriti. Tegas dan tidak pilih kasih ialah dua elemen penting serta wajib dijadikan prinsip utama kerajaan serta petugas atau pemantau integriti di setiap jabatan.





KURSUS PERTOLONGAN CEMAS DAN “BASIC LIFE SUPPORT” (BLS)

Jabatan Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Klinik Bandaraya Pasir Gudang, MBPG telah menganjurkan Kursus Pertolongan Cemas dan “Basic Life Support” (BLS) pada 27 dan 28 Februari 2023 bertempat di Hotel Renaissance Johor Bahru. Kursus ini mendapat sambutan melalui 50 penyertaan warga kerja MBPG dari pelbagai Jabatan, Bahagian dan Unit.

Kursus ini mengetengahkan objektif untuk memberi pendedahan dan latihan secara praktikal kepada para peserta mengenai kepentingan mempelajari ilmu pertolongan cemas. Peserta turut didedahkan dengan latihan asas dan teknik dalam memberi bantuan awal untuk menyelamatkan nyawa semasa situasi cemas dan mengancam nyawa seperti pendarahan yang banyak, terhenti pernafasan dan jantung, terbakar, melecur dan sebagainya. BLS perlu dilakukan dengan pengaplikasian teknik yang betul dan berkesan untuk menyelamatkan mangsa. Kesedaran umum untuk mempelajari kaedah melakukan BLS adalah amat penting dan perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, para peserta juga turut didedahkan dengan cara-cara penggunaan awal alat “Automated External Defibrillator” (AED) sekiranya berlaku kecemasan. Pada akhir kursus ini, kesemua peserta menjalani ujian teori dan praktikal bagi memberikan mereka kelayakan untuk mendapatkan sijil perakuan BLS yang diperakui selama 2 tahun.



PERTANDINGAN PLAYER UNKNOWN'S BATTLE GROUNDS (PUBG) MOBILE PERINGKAT PASIR GUDANG 2023



Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah mengambil inisiatif menganjurkan pertandingan Player Unknown's Battle Grounds (PUBG) Mobile peringkat Pasir Gudang 2023 yang telah berlangsung pada 11 Mac 2023 bertempat di Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Permainan atas talian PUBG Mobile yang semakin giat menjadi daya tarikan di kalangan belia menghasilkan sambutan yang hangat terhadap pertandingan ini. Pertandingan ini yang diuruskan oleh Ezsport Management Services dengan kerjasama Egamesport.Asia dan Kelab Sukan Elektronik Empayar Selatan (SEEC) mendapat sambutan melalui penyertaan 32 pasukan yang juga terdiri daripada penduduk di sekitar Pasir Gudang.

Antara kumpulan yang berjaya merangkul kemenangan adalah kumpulan ATY E-Sport selaku Johan bagi pertandingan ini, Naib Johan dari kumpulan D3V SILENCE, tempat Ketiga, kumpulan DX KEPADUAN, tempat keempat, kumpulan SME ALLSTAR, tempat kelima, EVILDEAD FUTE, tempat keenam, LOCO ESPORT, tempat ketujuh, TEAM BEKU dan juga tempat kelapan, FTSLR VAMPIRE.

Puan Haslina binti Hassan, Ketua Bahagian Pembangunan Masyarakat mewakili Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menyempurnakan majlis penyampaian hadiah yang turut dihadiri En. Shahril Nizam Omar selaku Presiden Johor Darul Ta'zim E-Sport Association (JDTEA).



PROGRAM SESI TOWN HALL

DATUK BANDAR PASIR GUDANG BERSAMA PENYEWA KEBAYAN DAN SEMAI NIAGA MILIK MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Jabatan Pengurusan Harta Dan Komersial telah menganjurkan Program Sesi Town Hall Datuk Bandar Pasir Gudang Bersama Penyewa Kebayan dan Semai Niaga Milik MBPG pada 29 Mac 2023 bertempat di Dewan Muafakat Taman Mawar, Pasir Gudang. Dalam sesi *Town hall* ini, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar MBPG telah hadir bagi memberi penerangan berkaitan isu kenaikan sewa premis Kebayan dan Semai Niaga. Turut hadir ke sesi *Town hall* ini ialah Yang Berhormat Hassan bin Abd Karim, Ahli Parlimen Pasir Gudang.

Dalam menyokong hasrat kerajaan Malaysia Madani, Sesi *Town hall* adalah bagi mengetengahkan inisiatif kepada penyewa-penyewa di mana pihak MBPG turut memperkenalkan hidangan Menu Rahmah di semua Kebayan dan Semai Niaga milik MBPG. Rebat sebanyak 5 peratus kadar sewa akan diberikan kepada penyewa-penyewa yang melaksanakan inisiatif Menu Rahmah ini. MBPG akan meletakkan syarat bagi mengawal peniaga untuk melaksanakan Menu Rahmah ini.

Selain itu, MBPG turut akan melaksanakan Program Rejuvenasi di beberapa buah Kebayan iaitu, Kebayan Mawar Putih, Kebayan Jalan Nenas, Taman Kota Masai dan Kebayan MIEL, Bandar Seri Alam bagi memberikan nafas baharu. Kebayan ini akan dinaiktaraf secara keseluruhan dengan rekabentuk yang berbeza dari asalnya.

MBPG juga akan menjenamakan semula Semai Niaga di mana Semai Niaga Taman Cendana dan Taman Air Biru akan dijadikan Tapak Penjaja Berpusat dan akan dilengkapi kiosk yang akan disediakan oleh MBPG.

Turut sesi dialog turut diadakan di antara penyewa-penyewa dan Datuk Bandar MBPG bagi mendengar dan berkongsi pandangan di antara satu sama lain. Pelbagai cadangan turut dilontarkan demi kemaslahatan penyewa-penyewa Kebayan di Pasir Gudang. Semoga inisiatif-inisiatif yang disampaikan melalui sesi *Town hall* ini dapat memberi manfaat kepada penyewa Kebayan dan seterusnya keselesaan pengunjung.

PERBINCANGAN MEJA BULAT INTEGRASI

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS) DALAM OPERASI PERNIAGAAN



Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah sebuah polisi rujukan yang diperkenalkan pada tahun 2015 ketika Perhimpunan Agong Bangsa Bangsa Bersatu diadakan. SDG juga berfungsi sebagai pelan tindakan penting negara dalam merangka polisi untuk menjamin kemampaman masa depan rakyat dan turut mengetengahkan hakikat cabaran pembangunan dunia moden yang merangkumi ekonomi, sosial, politik, dan alam sekitar. Malahan, kemampaman dan inklusiviti antara agenda utama yang turut diketengahkan sebagai elemen pembangunan negara.

Selaras dengan perkembangan semasa, MBPG melalui Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam telah menganjurkan Sesi Perbincangan Meja Bulat secara kolektif bersama pemain industri dan pihak berkepentingan di Pasir Gudang dalam memenuhi cita-cita dan merealisasikan visi agar MBPG berada pada landasan yang tepat dalam menghasilkan imej "Pasir Gudang Banda Raya Sejahtera, Pintar Dan Rendah Karbon Menjelang 2025". Perbincangan telah dijalankan pada 16 Mac 2023 bertempat di Hotel St. Giles, Johor Bahru dan disempurnakan oleh Yang Berusaha, En. Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG.

Turut hadir menjayakan program adalah pihak Global Compact Network Malaysia & Brunei iaitu Encik Edey Suresh dan Cik Sheila Grewal yang juga merupakan pemudahcara sepanjang sesi perkongsian dan pembentangan dijalankan. Matlamat keseluruhan perbincangan meja bulat ini agar dapat berkongsi informasi yang lebih produktif bagi membantu sektor yang terlibat bekerjasama menangani cabaran serta peluang melalui kaedah bekerja secara kolaboratif.



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN UNTUK DISALURKAN KEPADA MANGSA BANJIR

Majlis Penyerahan Sumbangan untuk disalurkan kepada mangsa banjir telah dilaksanakan pada 20 Mac 2023 bertempat di Auditorium Dahlia, Aras 3, Menara Aqabah.

YB Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah meluangkan masa hadir

bagi menyempurnakan majlis sumbangan tersebut. Cek berupa sumbangan bernilai RM100,000.00 telah diserahkan oleh En. Lee Sung Chul selaku Ketua Pegawai Eksekutif Kiswire Sdn. Bhd. Malah, En Simon Cheung selaku Naib Presiden Syarikat Ecoceres Incorporated turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM3,000.00.

Semoga melalui sumbangan ikhlas dari Syarikat Kiswire Sdn. Bhd. dan Syarikat Ecoceres Incorporated dapat meringankan beban serta membantu mangsa dan keluarga yang terkesan dengan bencana banjir yang menimpa.



PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA TANAH PERKUBURAN ISLAM PASIR GUDANG



Bersempena menyambut dan meraikan bulan Ramadan yang bakal tiba, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat mengambil inisiatif menganjurkan program Gotong Royong Perdana Tanah Perkuburan Islam Pasir Gudang 2023 bertempat di Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah serta tanah perkuburan islam di sekitar kawasan pentadbiran MBPG.

Matlamat penganjuran program ialah sebagai satu usaha bagi melahirkan rasa tanggungjawab serta kesedaran komuniti dalam menjaga kebersihan dan keindahan kawasan tanah perkuburan. Aktiviti ini turut mengetengahkan elemen kerohanian dan jasmani yang memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Berlangsung pada 12 Mac 2023, program ini mendapat sambutan dan disertai oleh 120 orang sukarelawan yang terdiri dari pelbagai agensi seperti Persatuan PG Care, Jawatankuasa Masjid Kampung Pasir Gudang Baru, pelajar-pelajar dari Politeknik Ibrahim Sultan, Kolej Komuniti Pasir Gudang, UniKL MITEC Pasir Gudang, anggota pekerja Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Unit Tindakan Khas MBPG.

Program dimulai dengan bacaan doa dan tahlil arwah yang dipimpin oleh Encik Muhammad Amirul Ashraf bin Muhammad Sani pada jam 8.00 pagi. Menumpukan sekitar kawasan tapak perkuburan lama, program ini berjaya ditamatkan pada jam 11.30 tengah hari.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih buat para sukarelawan yang turut memberikan kerjasama menjayakan program.



SELAMAT BERSARA PUAN HAJAH NORIZAN BINTI MOHAMMAD

Puan Hajah Norizan binti Mohammad dilahirkan pada tanggal 13 Januari 1963 di Melaka dan merupakan anak ke-2 dari 5 orang adik beradik. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Chabau, Jasin seterusnya beliau berpindah ke Johor Bahru dan bersekolah di Sekolah Kebangsaan Angkatan Tentera, Johor Bahru (1974-1975), Sekolah Menengah Sultanah Engku Tun Aminah, Jalan Sungai Chat, Johor Bahru (1976-1980) dan akhir sekali di Sekolah Menengah Perempuan Sultan Ibrahim, Johor Bahru (1981-1982).

Selepas tamat sekolah, beliau menyambung pelajaran di peringkat Diploma di Institut Teknologi Mara dan telah dianugerahkan Diploma Pentadbiran Awam (1996). Kemudian menyambung pelajaran di Universiti Teknologi Malaysia dan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia) (2006). Puan Hajah Norizan memulakan karier beliau sebagai penjawat awam mulai 1 Julai 1988

di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) sebagai Jurutaip dan kemudiannya dilantik sebagai Pegawai Kerani pada 19 Januari 1991, seterusnya sebagai Pembantu Tadbir N26. Bermula Julai 1996 dilantik sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG).

Seterusnya beliau dilantik sebagai Pegawai Tadbir (N41) di Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MBPG) mulai 16 Februari 2011. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, beliau pernah bertugas di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan, Unit Korporat dan Perhubungan Awam, dan Jabatan Kemasyarakatan merupakan jabatan terakhir beliau berkhidmat. Beliau menamatkan perkhidmatan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada tanggal 13 Januari 2023.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di MBPG, beliau pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada Tahun 2012

serta Sijil Penghargaan pada tahun 2004, 2006, 2007 dan 2009. Majlis Bandaraya Pasir Gudang mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Puan Hajah Norizan binti Mohammad atas segala jasa dan sumbangan beliau dalam memberikan khidmat yang cemerlang kepada Pasir Gudang. Selamat Bersara diucapkan kepada Puan Hajah Norizan binti Mohammad.





PROGRAM GOTONG-ROYONG

SEMPENA JOHOR BERSIH 2.0 DI TAMAN BUKIT DAHLIA



Program Gotong-Royong Sempena Johor Bersih 2.0 di Jalan Serangkai 2, Taman Bukit Dahlia telah dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Awam dan Persekutuan MBPG dengan kerjasama wakil-wakil penduduk pada 27 Mac 2023.

Pelaksanaan program ini adalah bagi menyasarkan objektif untuk menyuntik semangat dan menyemai kesedaran kepada orang awam agar sentiasa cakna akan kebersihan persekitaran kawasan rumah mereka dengan kerap melakukan kerja-kerja pembersihan. Malah, aktiviti gotong royong ini juga adalah bagi memastikan kawasan tempat tinggal bebas daripada sebarang pembiakan haiwan perosak dan serangga terutama sekali nyamuk aedes. Turut hadir memeriahkan program ialah Ahli Majlis Bandaraya Pasir Gudang Zon Bukit Dahlia, Puan Nur Ain binti A. Rahman.





LAMAN INFO

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



TANDA - TANDA AWAL **STROK HABA**

1 Kerap sakit kepala

Strok haba atau dikenali sebagai 'Heat Stroke' berlaku apabila sistem tubuh badan tidak dapat mengawal secara normal. Badan akan mengalami kenaikan suhu mendadak selain turut mengalami kegagalan berpeluh. Suhu badan individu yang mengalami strok haba selalunya akan naik sehingga 41°C atau lebih dalam masa 10 hingga 15 minit. Malah, strok haba sekiranya tidak dikawal boleh menyebabkan kematian atau hilang keupayaan kekal.

2 Mudah hilang fokus

3 Lidah menjadi bengkak

4 Suhu badan melebihi 39°C

5 Nadi berdenyut laju

9 Kulit kering dan kemerah-merahan

8 Badan tidak berpeluh

7 Badan lesu dan kerap pengsan

6 Tekanan darah rendah

Sekiranya anda mengalami tanda-tanda ini, anda disarankan berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan

PAUTAN INFORMASI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



www.mbg.gov.my



Majlis Bandaraya
Pasir Gudang



majlisbandarayapg_official



Saluran Aduan
Sispaa